



5 Mac 2012  
5 March 2012  
P.U. (A) 71

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN  
PERKHIDMATAN WANG (PERNIAGAAN PENGIRIMAN  
WANG) 2012

*MONEY SERVICES BUSINESS (REMITTANCE  
BUSINESS) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG (PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 78(1), subseksyen 39(1) dan 40(2) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*], Bank, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Perniagaan Pengiriman Wang) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“ejen koresponden” ertinya seorang ejen di luar Malaysia yang dilantik oleh seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang untuk memastikan dana tersedia bagi seorang beneficiari di luar Malaysia berdasarkan arahan pengiriman wang oleh pemegang lesen itu;

“transaksi pengiriman wang perniagaan kepada perniagaan” ertinya suatu transaksi pengiriman wang yang dibuat oleh suatu syarikat kepada syarikat yang lain, sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;

“perniagaan pengiriman wang” tidak termasuk perniagaan yang semata-mata mengadakan sistem pengiriman wang yang tidak mempengaruhi atau mengawal operasi perniagaan pengiriman wang pemegang lesen itu.

**Kehendak operasi bagi perniagaan pengiriman wang**

3. Seseorang pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengiriman wang hendaklah mematuhi kehendak seperti yang berikut:

- (a) bagi transaksi pengiriman wang perniagaan kepada perniagaan, had transaksi keluaran harian untuk seorang pelanggan tidak boleh melebihi suatu amaun agregat dua ratus ribu ringgit;
- (b) bagi transaksi pengiriman wang selain yang diperuntukkan di bawah perenggan (a), had transaksi keluaran harian untuk seorang pelanggan tidak boleh melebihi suatu amaun agregat lima puluh ribu ringgit;
- (c) had bagi transaksi keluaran harian yang disebut dalam perenggan (a) and (b) terpakai kepada semua transaksi pengiriman wang yang dijalankan di mana-mana pejabat pemegang lesen itu atau mana-mana ejen perniagaan perkhidmatan wang pemegang lesen itu atau melalui mana-mana sistem pengiriman wang pemegang lesen itu;
- (d) bagi transaksi pengiriman wang keluaran, pemegang lesen hendaklah mengeluarkan arahan pengiriman wang kepada ejen korespondennya secepat yang dapat dilaksanakan, tetapi tidak lewat dari dua hari bermula daripada penerimaan dana daripada pelanggannya; dan
- (e) bagi transaksi pengiriman wang dalaman, pemegang lesen hendaklah memastikan dana itu disediakan untuk kutipan oleh beneficiari itu sebaik sahaja arahan pengiriman wang itu diterima daripada ejen korespondennya.

### **Penggunaan sistem pengiriman wang**

4. Suatu sistem pengiriman wang hendaklah mempunyai kehendak minimum yang berikut:

- (a) boleh merekod, menghantar dan menerima maklumat mengenai transaksi pengiriman wang;
- (b) dilengkapkan dengan kawalan keselamatan yang mencukupi untuk menghalang transaksi yang tidak dibenarkan atau secara fraud;
- (c) boleh mengadakan suatu jejak audit;
- (d) mempunyai keupayaan untuk mengesan dan menyatukan dalam masa sebenar, transaksi pengiriman wang keluaran yang dijalankan oleh seorang pelanggan di semua pejabat dan ejen perniagaan perkhidmatan wang seseorang pemegang lesen untuk memastikan kepatuhan atas perenggan 3(c);
- (e) boleh mengesan status transaksi pengiriman wang dan secara automatik menjana amaran untuk mana-mana transaksi pengiriman wang yang belum lengkap atau tidak berjaya; dan
- (f) boleh mengawas secara berkesan kepatuhan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613].

Dibuat 3 Februari 2012  
[BNM.JUN. 1110/65/01; PN(PU2)701]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ  
*Gabenor*